

SENTRAL

UMP berkonvoi semarakkan bulan kemerdekaan

SINAR HARIAN 23/8 m/s 40 (SENTRAL)

KUANTAN - Lebih 50 pemilik kenderaan Alza dan Proton Saga dari MyAlza Owner's Club dan Proton Saga BLM Owners' Club (PROSBOC) menyertai Konvoi Merdeka sempena Sambutan Bulan Kemerdekaan ke-58 peringkat Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Acara pelepasan peserta konvoi disempurnakan oleh Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim bertempat di Dataran Canseleri, UMP Gambang.

Konvoi memulakan perjalanan dari UMP Gambang menuju ke Taman Kerang sambil mengibarkan jalur gemilang di sepanjang perjalanan sejauh 30 kilometer.

Pengarah program, Wan Abdul Rashid Wan Abd Rahman berkata, acara tersebut adalah antara program yang telah dirancang dan sambutan pada tahun ini dijangka lebih menarik.

"Malahan kibaran bendera jalur gemilang di bangunan dan premis universiti telah pun bermula sejak minggu lalu di sekitar kampus.

"Konvoi merdeka ini merupakan program kerjasama yang di-

jalankan membabitkan kelab kereta dalam menyemarakkan semangat bulan kemerdekaan selain merapatkan hubungan baik antara universiti dengan komuniti luar," katanya.

Wan Abdul Rashid berkata, warga universiti juga berpeluang menyaksikan pertandingan kereta berhias dengan jalur gemilang bagi memeriahkan sambutan kemerdekaan. Pertandingan ini dinilai berdasarkan kreativiti, kekemasan dan keceriaan kereta tersebut.

Pada majlis itu, acara penyerahan bendera jalur gemilang yang disampaikan oleh Prof Daing Nasir kepada wakil jabatan.

Sepanjang bulan kemerdekaan kali ini, UMP menganjurkan pelbagai program seperti pertandingan menghias pejabat dengan jalur gemilang, Kayuhan Merdeka dan Jejak Pahlawan Merdeka dengan kerjasama membabitkan Radio Televisyen Malaysia (RTM), Persatuan Veteran ATM Negeri Pahang, Majlis Agama Islam Adat Istiadat Melayu Pahang dan Jabatan Penerangan Negeri Pahang.